



# KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan  
Aras 10, Blok 4, Kompleks Ujana Kewangan  
Peti Surat 81097  
87020 Wilayah Persekutuan Labuan

Telefon : 087-583351 / 587353 / 583357  
Fax : 087-583352 / 583355  
Laman Web : jpwpl.moe.gov.my  
Emel : jpnlabuan@moe.gov.my

Rujukan : JPWPL.600--3/4/12 Jld.3 ( 7 )  
Tarikh : 24 Julai 2024

Dr. Mohd Nor Azam bin Mohd Dali  
Timbalan Pengarah Akademik  
Kulim Hi-Tech Park  
09090 Kulim, Kedah

Tuan,

## **KEBENARAN PENGANJURAN PROGRAM DAN PENGLIBATAN MURID BAGI MENYERTAI NATIONAL INVENTION & INNOVATION COMPETITION, EXHIBITION AND ROBOT-SUMO 2024 (NICERS'24) & RUMBLE DRONE SOCCER COMPETITION 2024**

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian tuan mengenai perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan (JPWPL) telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran di atas daripada pihak tuan. Pihak jabatan mengalu-alukan inisiatif agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam membantu membangunkan aktiviti kokurikulum di negeri ini.

3. Setelah meneliti surat permohonan tuan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan **tiada halangan** kepada pihak tuan untuk menganjurkan program berkenaan. Untuk makluman pihak tuan penganjuran program ini adalah tertakluk kepada **Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 7/1988: Penyertaan Pelajar Dalam Pertandingan atau Kejohanan Sukan Anjuran Persatuan atau Badan Induk Sukan, SPI Bilangan 8/1995: Penyertaan Pelajar Dalam Pertandingan Kejohanan Sukan Anjuran Persatuan atau Badan Bukan Induk, SPI. Bil. 8/2009: Langkah-Langkah Keselamatan Semasa Mengikuti Aktiviti/Program Lawatan Di Luar Waktu Persekolahan, Bil. 5/2018: Garis Panduan Perwakilan Kuasa Daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru Kepada Pendaftar Bagi Kelulusan Permohonan Oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia, SPI BIL.9/2023:Garis Panduan Lawatan Murid Sekolah Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Mulai Tahun 2023 dan Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil. 2/2010:Garis Panduan Pelaksanaan Program Pendidikan (Kokurikulum) Tajaan Agensi Luar.**

4. Untuk menjayakan program tersebut, pihak tuan/puan dinasihatkan supaya mengadakan perbincangan bersama **Pengetua dan Guru Besar** sekolah terlibat mengenai kaedah terbaik melaksanakannya di samping mematuhi syarat-syarat berikut :

- 4.1 **Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh digunapakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;**
- 4.2 Jika ada penyertaan dalam kalangan guru dan warga sekolah, hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah berkenaan;
- 4.3 Pihak penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan warga sekolah yang terlibat dengan program ini;
- 4.4 Warga sekolah **tidak boleh dipaksa atau diwajibkan** terlibat dengan program ini dan pihak penganjur adalah bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan warga sekolah yang terlibat;
- 4.5 Tiada sebarang unsur negatif mengenai sekolah dan warganya dibangkitkan dalam sesi ceramah tersebut dan **penyertaan murid-murid hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa dan penjaga;**
- 4.6 Selaras dengan Pelaksanaan Pendidikan Sivik yang sedang berkuatkuasa di semua sekolah rendah dan menengah di bawah KPM, pihak **Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah** dimohon memastikan agar kesedaran sivik dan amalan nilai murni dapat dijadikan sebagai salah satu perkara yang wajib dilaksanakan sebelum/semasa/selepas program berlangsung (*seperti gotong royong membersihkan kawasan*).

"Labuan Superb, Guru Sayang Muridnya"

"Kecemerlangan Pendidikan & Kemenjadian Murid W.P Labuan Bermula di Sini.  
Semua Murid Sangat Bernilai. Semua Sekolah Adalah Sekolah Pilihan"  
Sila catatkan rujukan Bahagian ini apabila berhubung

**KEBENARAN PENGANJURAN PROGRAM DAN PENGLBATAN MURID BAGI MENYERTAI NATIONAL INVENTION & INNOVATION COMPETITION, EXHIBITION AND ROBOT-SUMO 2024 (NICERS'24) & RUMBLE DRONE SOCCER COMPETITION 2024**

Rujukan : JPWPL.600--3/4/12 Jld. 3 ( 7 )

24 Julai 2024

- 4.7 Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk makan, minum, penginapan dan tuntutan perjalanan peserta yang hadir;
  - 4.8 Pihak tuan dipohon agar mengemukakan satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program tersebut;
  - 4.9 Tidak melibatkan implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan W.P. Labuan, sekolah, guru dan murid yang terlibat secara paksaan; dan
  - 4.10 Semua syarat dan peraturan di atas hendaklah dipatuhi dan Jabatan Pendidikan W.P. Labuan boleh menarik balik kelulusan ini bila-bila masa.
  - 4.11 Pihak tuan perlu mematuhi segala garis panduan yang ditetapkan oleh KPM; Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sepanjang program dijalankan, dan
  - 4.12 Semua syarat dan peraturan di atas hendaklah dipatuhi dan Jabatan Pendidikan W.P. Labuan boleh menarik balik kelulusan ini bila-bila masa sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa serta tidak mematuhi garis panduan KPM, MKN dan KKM.
5. Untuk makluman tuan, pihak KPM sedang berusaha Melindungi Masa Instruksional (MMI), yakni masa pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid. Oleh yang demikian, pihak kami mencadangkan supaya penyertaan murid-murid bagi program tersebut diadakan diluar waktu PdP agar tidak menjejaskan waktu pengajaran dan pembelajaran murid.
6. Kelulusan ini hanya untuk tujuan yang dipohon sahaja dan luput selepas tarikh 22 Ogos 2024.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(NORAINI BINTI SABUDIN)

b.p Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan W.P. Labuan

s.k Pengetua, Sekolah Menengah di W.P. Labuan  
Guru Besar, Sekolah Rendah di W.P. Labuan

## LAPORAN AKTIVITI

1. NAMA AKTIVITI :
2. TARIKH PELAKSANAAN :
3. TEMPAT :
4. PELIBATAN :

Bil.	Nama Sekolah Dan alamat	Kategori	Melayu		Cina		India		Lain-lain		Jumlah		Jumlah Besar
			L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	
1													
		Murid											
		Guru											
		Anggota (Jika Berkenaan)											
2			L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	
		Murid											
		Guru											
		Anggota (Jika Berkenaan)											
Jumlah Keseluruhan													

\*Sila tambah ruang untuk penambahan sekolah

5. VIP PERASMIAN
  - a.) Pembukaan :
  - b.) Penutup :
6. OUTCOME :
7. IMPLIKASI KEWANGAN :
8. KEPUTUSAN PERTANDINGAN (JIKA ADA)

9. **AKTIVITI BERGAMBAR** : Seperti di Lampiran

**NAMA AKTIVITI** :

**TARIKH** :

**TEMPAT** :

**SINOPSIS AKTIVITI :**

**GAMBAR-GAMBAR AKTIVITI**

